



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**ARAHAN KETUA PENGARAH KESIHATAN
DI BAWAH SEKSYEN 26A AKTA RACUN 1952 [AKTA 366]**

BILANGAN 2 TAHUN 2023

**ARAHAN BERKENAAN PENJUALAN ATAU PEMBEKALAN RACUN OLEH
AHLI FARMASI BERLESEN DAN AHLI FARMASI BERDAFTAR DI HOSPITAL SWASTA**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 26A Akta Racun 1952 [Akta 366], Ketua Pengarah Kesihatan mengeluarkan arahan yang berikut:

1. TUJUAN

1.1 Arahan ini ditujukan kepada semua ahli farmasi berlesen dan ahli farmasi berdaftar di hospital swasta yang menjual atau membekal racun secara runcit, untuk menetapkan berkenaan penjualan atau pembekalan racun secara runcit hanya kepada pesakit yang dirawat di hospital tersebut.

1.2 Arahan ini ditujukan kepada semua ahli farmasi berlesen dengan aktiviti borong di hospital swasta, untuk menetapkan berkenaan pembekalan racun hanya kepada cawangan yang sama sahaja.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Akta 366 membenarkan ahli farmasi berlesen menjual atau membekal racun secara runcit untuk tujuan rawatan pesakit.

2.2 Walau bagaimanapun, perkhidmatan farmaseutikal di sesebuah hospital swasta hanya diperuntukkan untuk pesakit yang mendapatkan rawatan di hospital tersebut sahaja

selaras dengan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] dan Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) 2006 [P.U.(A) 138/2006].

2.3 Oleh itu, arahan ini dikeluarkan bagi memperincikan keperluan-keperluan yang hendaklah dipatuhi oleh ahli farmasi berlesen dan ahli farmasi berdaftar di hospital swasta yang menjual atau membekal racun.

3. PELAKSANAAN

3.1 Ahli farmasi berlesen dan ahli farmasi berdaftar di hospital swasta hanya dibenarkan menjual atau membekal racun secara runcit kepada pesakit yang dirawat atau telah mendapatkan rawatan di hospital tersebut sahaja.

3.2 Ahli farmasi berlesen dengan aktiviti borong di hospital swasta tidak dibenarkan menjual racun secara borong melainkan pembekalan kepada orang yang dibenarkan di bawah cawangan yang sama sahaja.

4. PEMAKAIAN

Arahan ini adalah terpakai ke atas ahli farmasi berlesen dan ahli farmasi berdaftar di hospital swasta.

5. PEMATUHAN

Kegagalan mematuhi arahan ini merupakan suatu kesalahan di bawah subseksyen 26A(3) Akta 366 dan boleh dihukum di bawah subseksyen 32(2) Akta 366.

6. TARIKH KUAT KUASA

Tarikh kuat kuasa arahan ini ialah mulai 31 Oktober 2023.



(DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN)

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 31/10/23